



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

7 AGENSI KERAJAAN, SYARIKAT SWASTA DIKTIRAF BANGUNAN CEKAP TENAGA BERSTATUS 5 BINTANG BAGI TAHUN 2022

Tujuh bangunan agensi kerajaan dan syarikat swasta telah diiktiraf cekap tenaga berstatus lima-bintang bagi tahun 2022 di Majlis Penyerahan Label Intensiti Tenaga Bangunan (Building Energy Intensity – BEI) yang telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad pada hari ini.

Penarafan label lima-bintang BEI ini diberikan kepada pemilik bangunan yang telah berjaya mendapat indeks BEI di bawah skala 100 (kategori penggunaan sangat cekap) berbanding 222 buah bangunan yang telah dilabelkan pada tahun 2022. Bangunan-bangunan tersebut adalah:

1. Suruhanjaya Tenaga
2. Tabung Haji
3. Lembaga Pelabuhan Johor
4. Ambank Tropicana
5. Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kuala Lumpur
6. Kementerian Kerja Raya
7. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Blok F11, Parcel F, Putrajaya)

Nik Nazmi berkata pencapaian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan menimbulkan minat lebih mendalam bagi pemilik bangunan di Malaysia untuk mendapatkan penarafan BEI.

“Sasaran NRECC bagi inisiatif ini adalah sebanyak 300 buah bangunan pejabat dilabel dari 2018 hingga 2023. Bagi tahun 2023 hingga 2028, NRECC menyasarkan 600 buah bangunan termasuk bangunan pejabat, hospital dan universiti dilabel. Manakala lebih 1,000 buah bangunan pejabat, hospital, universiti dan sekolah disasarkan akan dilabel bagi tahun 2028 dan seterusnya,” katanya.

Beliau menambah inisiatif ini menyokong pelaksanaan pengurangan penggunaan tenaga elektrik bagi sektor bangunan di Malaysia.

“Menurut data National Energy Balance 2020, sektor bangunan merangkumi hampir 26.6% penggunaan tenaga elektrik bersamaan dengan pelepasan CO2 sebanyak 31.6 MtCO2, penggunaan kedua tertinggi selepas sektor industri iaitu pada 48.9%. Penjimatan penggunaan tenaga elektrik oleh sektor ini akan menyumbang secara langsung kepada pencapaian aspirasi pelepasan gas rumah kaca sifar bersih seawal tahun 2050,” tambah beliau.

Pelabelan BEI adalah instrumen yang mudah dan boleh digunapakai dengan segera untuk menilai prestasi kecekapan penggunaan tenaga di dalam sesebuah bangunan.

Pelabelan prestasi BEI membolehkan pemilik bangunan memantau penggunaan tenaga elektrik dan membuat perbandingan dengan bangunan lain. Penarafan ini menggalakkan pemilik bangunan mengoptimumkan tahap penggunaan tenaga di bangunan mereka serta mengamalkan langkah-langkah penggunaan tenaga secara cekap.

Inisiatif Pelabelan BEI oleh pihak Suruhanjaya Tenaga telah bermula secara berperingkat pada tahun 2018, dengan fasa pertama melibatkan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan.

Ia kemudiannya diperluaskan kepada bangunan-bangunan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, hospital dan klinik Kerajaan.

Sebanyak 441 buah bangunan Kerajaan Persekutuan serta agensi, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan telah dilabel setakat September 2023. Kini, bangunan-bangunan komersial milik swasta turut diberikan penarafan BEI.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM 25 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia